

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT :26

Harga RON95 mungkin turun 10 sen

Harga RON95 mungkin turun 10 sen

Tindakan mampu kurangkan inflasi utama kepada 2.9 peratus

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan dijangka mempertimbangkan untuk menurunkan harga runcit bahan api dalam jangka terdekat ini terutamanya RON95 dan diesel, mengambil kira inflasi makanan yang terus meningkat selain tekanan ke atas pendapatan pengguna, demikian menurut MIDF Research.

"Kami menjangkakan kerajaan akan menurunkan harga RON95 sebanyak 10 sen," katanya dalam satu nota penyelidikan, semalam.

MIDF Research berkata, jika kerajaan menurunkan harga RON95 sebanyak 10 sen kepada RM1.95 seliter bulan depan, kadar inflasi utama Malaysia dijangka susut kepada 2.9 peratus bagi 2023 memandangkan inflasi

bukan makanan terus menyederhana kepada 1.3 peratus, manakala inflasi pengangkutan akan menguncup 1.7 peratus.

Ja berkata, menjelang akhir tahun ini, pematangan 10 sen itu menjadikan kadar inflasi bulanan lebih rendah kepada 1.9 peratus tahun ke tahun, bermakna kerajaan mempunyai tambahan RM4.31 bilion untuk perbelanjaan fiskal yang boleh digunakan untuk matlamat lain.

"Selain itu, kerajaan akan mempunyai ruang fiskal lebih baik, memandangkan nisbah hutang fiskal berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) susut kepada 59.3 peratus pada suku pertama 2023 dan dengan ambil kira liabiliti luar jangka, angka terkini adalah 76.1 peratus," katanya.

Subsidi bersasar

Firma penyelidikan itu berkata, ia turut menjangkakan subsidi bersasar membabitkan bahan api, terutama untuk RON95 dan diesel tidak akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini.

"Hal ini kerana yang pertama, bahan api runcit mempunyai alternatif terhadap berbanding de-

ngan minyak masak dan elektrik.

"Pengangkutan awam bersepadu dan cekap juga hanya terdapat di Lembah Klang namun ia khusus untuk kawasan tertentu.

"Walaupun kenderaan elektrik (EV) adalah alternatif lain, peralihan daripada kenderaan berkuasa bahan api kepada kenderaan berkuasa elektrik tidak

akan berlaku segera.

"Berdasarkan andaian harga minyak AS\$80 satu tong, kami menganggarkan harga pasaran untuk RON95 ialah RM3.10 seliter.

"Dalam kata lain, jika menganggarkan sepenuhnya harga untuk RON95 menyebabkan kenaikan harga lebih daripada 50 peratus yang mempunyai lonjakan


besar ketara dalam data Indeks Harga Pengguna (IHP)," katanya.

MIDF Research menambah, faktor kedua yang dibimbangi memberi kesan seandainya subsidi bersasar bahan api dilaksanakan adalah klasifikasi pendapatan B40.

"Jika kerajaan menggunakan ukuran pendapatan isi rumah nasional B40 iaitu pada RM3,166 sebagai penanda aras bagi penerima bahan api bersubsidi, kenaikan harga bahan api akan membawa tekanan kos sara hidup lebih tinggi kepada golongan ini di negeri seperti Johor, Melaka, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur.

"Kami berpendapat alternatif terhadap untuk RON95 dan diesel serta kerumitan tahap pendapatan isi rumah antara negeri adalah antara cabaran sukar bagi kerajaan untuk melancarkan subsidi bersasar bahan api dalam tempoh terdekat," katanya.

Kerajaan membelanjakan sebanyak RM42 bilion untuk subsidi bahan api pada tahun lalu, merangkumi sebahagian besar daripada perbelanjaan subsidi keseluruhan.



RON95 dijangka RM1.95 seliter jika kerajaan turunkan harga bulan depan.
(Foto hiasan)